

# 60 syarikat besar sedia bantu biaya projek rakyat, TVET

## Bantuan disalur menerusi pelbagai pendekatan

Oleh Suzalina Halid,  
Latifah Ariffin dan  
Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 60 syarikat gergasi bersetuju membantu kerajaan untuk menampung pembiayaan projek berkaitan ke-

pentingan rakyat, pendidikan serta program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini.

Mengesahkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata inisiatif berkenaan membabitkan pelbagai syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yang memberi bantuan menerusi pelbagai pendekatan.

Beliau berkata, ia termasuk menerusi pengambilalihan, penyelenggaraan dan latihan menggunakan kos syarikat.

"Ada 60 syarikat, termasuk sya-

rikat multinasional yang diminta menampung, contohnya permintaan bagi TVET, termasuk Sunway Berhad dan Berjaya Corporation Berhad, selain syarikat yang terbabit deng'an Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACC-CIM).

"Kita minta mereka (syarikat) ini bantu secara langsung, sama ada projek rakyat miskin atau secara khusus bagi TVET kerana TVET ini melatih anak muda kita, Melayu dan Bumiputera untuk tingkatkan kemahiran bagi mendapat peluang pekerjaan

yang lebih baik dan upah atau gaji lebih tinggi," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PAS-Kubang Kerian) mengenai pembabitan syarikat gergasi, terutama bagi membantu rakyat miskin.

Perdana Menteri berkata, syarikat lain yang terbabit dalam pembiayaan projek berkenaan adalah Telekom Malaysia (TM) dan Kumpulan Syarikat Albu-

khary yang secara spesifik menawarkan untuk membantu mengambil alih TVET di Pekan, Pahang dan Tanjung Malim, Perak.

Menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) berkenaan cukai sepatutnya digunakan untuk membantu golongan susah, Anwar berkata, pendekatan kerajaan kini berbeza dan syarikat besar diminta menyalurkan bantuan kewangan secara terus kepada golongan sasar, bukan memberi sumbangan kepada parti politik atau individu perseorangan.